



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PANDUAN PENCALONAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN (DKBPWP) TAHUN 2027



DISEDIAKAN OLEH:

**URUS SETIA JAWATANKUASA TAPISAN
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

PENDAHULUAN

Panduan pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) ini akan diguna pakai mulai 15 Julai 2026 dan panduan sebelum ini adalah dibatalkan.

LATAR BELAKANG

Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) di bawah Statut Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah mula dizahirkan setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII tahun 2007.

Istiadat bagi penganugerahan DKBPWP ini disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 1 hari bulan Februari setiap tahun sempena Hari Wilayah Persekutuan.

Penganugerahan ini diberi kepada individu yang menetap atau berkhidmat di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) yang telah memberi sumbangan, inovasi, khidmat cemerlang dan berjasa dalam membangun dan memajukan Wilayah Persekutuan.

Jabatan Wilayah Persekutuan telah diberi tanggungjawab melaksanakan proses pencalonan dan pengurusan penganugerahan DKBPWP seperti mana yang ditetapkan dalam Statut Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah.

PANGKAT DARJAH DAN SUSUNAN DKBPWP

BIL.	PANGKAT DARJAH	HURUF RINGKASAN	GELARAN
1.	Seri Utama Mahkota Wilayah	S.U.M.W.	Datuk Seri Utama
2.	Seri Mahkota Wilayah	S.M.W.	Datuk Seri
3.	Panglima Mahkota Wilayah	P.M.W.	Datuk
4.	Johan Mahkota Wilayah	J.M.W.	-
5.	Kesatria Mahkota Wilayah	K.M.W.	-
6.	Ahli Mahkota Wilayah	A.M.W.	-
7.	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah	P.P.W.	-

MAKLUMAT RINGKAS DKBPWP

1. DARJAH SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH (S.U.M.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Pertama. Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'Datuk Seri Utama' bagi penyandang lelaki dan wanita. Isteri Penyandang pula bergelar 'Datin Seri Utama' manakala tiada gelaran bagi suami penyandang. Penyandang akan dikurniakan Kalung dan Buah Kalung, Selempang dan Lencana Darjah serta Bintang Darjah.

2. DARJAH SERI MAHKOTA WILAYAH (S.M.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Kedua. Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'Datuk Seri' bagi penyandang lelaki dan wanita. Isteri Penyandang pula bergelar 'Datin Seri' manakala tiada gelaran bagi suami penyandang. Penyandang akan dikurniakan Kalung dan Buah Kalung, Selempang dan Lencana Darjah serta Bintang Darjah.

3. DARJAH PANGLIMA MAHKOTA WILAYAH (P.M.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Ketiga. Darjah Kebesaran ini membawa gelaran 'Datuk' bagi penyandang lelaki dan wanita. Isteri Penyandang pula bergelar 'Datin' manakala tiada gelaran bagi suami penyandang. Penyandang akan dikurniakan Selempang dan Lencana Darjah serta Bintang Darjah.

4. DARJAH JOHAN MAHKOTA WILAYAH (J.M.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Keempat. Penyandang lelaki dan perempuan akan dikurniakan Bintang Darjah.

5. DARJAH KESATRIA MAHKOTA WILAYAH (K.M.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Kelima. Penyandang lelaki dan perempuan akan dikurniakan Bintang Darjah.

6. DARJAH AHLI MAHKOTA WILAYAH (A.M.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Keenam. Penyandang lelaki dan perempuan akan dikurniakan Bintang Darjah.

7. PINGAT PANGKUAN MAHKOTA WILAYAH (P.P.W.)

Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah Pangkat Ketujuh. Penyandang lelaki dan perempuan akan dikurniakan Bintang Darjah.

SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN DKBPWP

1. Pencalonan ditetapkan mengikut enam (6) kategori seperti berikut:

BIL.	KATEGORI
i.	A - Perkhidmatan Awam
ii.	B - Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan
iii.	C - Swasta / Persatuan / Sukarela / Sukan / Individu
iv.	E - Angkatan Tentera Malaysia
v.	F - Polis Diraja Malaysia
vi.	G - Politik

2. Syarat-syarat Kelayakan Pencalonan mengikut kategori yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Kategori A - Perkhidmatan Awam

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
S.U.M.W.	Turus I	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun
S.M.W.	- Turus I, II dan III - Gred Utama A / Gred Khas A		
P.M.W.	Gred Utama/Gred Khas		
J.M.W.	- Gred Utama C / Gred Khas C - Gred 14-15	Minimum 40 tahun	
K.M.W.	Gred 11-13		
A.M.W.	- Gred 9-10 - Gred 7-8	Minimum 35 tahun	
P.P.W.	Gred 6 dan ke bawah		

Kategori B - Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
S.M.W.	- Turus I, II dan III - Pengerusi Badan Berkanun/ Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun atau setaraf	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun
P.M.W.	Gred Utama / Gred Khas A, B dan C atau setaraf		
J.M.W.	- Gred Utama / Gred Khas C atau setaraf dengannya - Gred 14-15 atau setaraf	Minimum 40 tahun	
K.M.W.	Gred 11-13 atau setaraf		
A.M.W.	- Gred 9-10 atau setaraf - Gred 7-8 atau setaraf	Minimum 35 tahun	
P.P.W.	Gred 6 dan ke bawah atau setaraf		

Kategori C – Swasta / Persatuan / Badan Sukarela / Sukan / Individu

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
S.M.W.	<u>SWASTA</u> - Pengerusi / Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Multinasional <u>PERSATUAN / BADAN SUKARELA</u> - Pengerusi / Presiden <u>INDIVIDU</u> - Perkhidmatan Cemerlang kepada Wilayah Persekutuan	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun
P.M.W.	<u>SWASTA</u> - Pengarah Urusan Syarikat <u>PERSATUAN / BADAN SUKARELA</u> - Pengerusi / Presiden <u>INDIVIDU</u> - Perkhidmatan Cemerlang kepada Wilayah Persekutuan	Minimum 40 tahun	Minimum 10 tahun
	<u>AHLI SUKAN</u> Penglibatan di peringkat antarabangsa	Minimum 30 tahun	Tiada Had
J.M.W.	<u>SWASTA</u> - Pengarah Urusan Syarikat <u>PERSATUAN / BADAN SUKARELA</u> - Timbalan Pengerusi / Presiden <u>INDIVIDU</u> - Perkhidmatan Cemerlang kepada Wilayah Persekutuan	Minimum 40 tahun	Minimum 10 tahun
	<u>AHLI SUKAN</u> Penglibatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	Tiada Had	Tiada Had

***Panduan Pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat
Wilayah Persekutuan (DKBPWP)***

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
K.M.W.	<u>SWASTA</u> - Pengurus Besar <u>PERSATUAN / BADAN SUKARELA</u> - Setiausaha Persatuan / Badan Sukarela <u>INDIVIDU</u> - Perkhidmatan Cemerlang kepada Wilayah Persekutuan	Minimum 40 tahun	Minimum 10 tahun
	<u>AHLI SUKAN</u> Penglibatan di peringkat kebangsaan	Tiada Had	Tiada Had
A.M.W.	<u>SWASTA</u> - Pengurus / Eksekutif <u>PERSATUAN / BADAN SUKARELA</u> - AJK Persatuan / Badan Sukarela <u>INDIVIDU</u> - Perkhidmatan Cemerlang kepada Wilayah Persekutuan	Minimum 40 tahun	Minimum 10 tahun
	<u>AHLI SUKAN</u> Penglibatan di peringkat kebangsaan	Tiada Had	Tiada Had
P.P.W.	<u>SWASTA</u> - Pegawai dan Kakitangan <u>PERSATUAN / BADAN SUKARELA</u> - Ahli Persatuan / Badan Sukarela <u>INDIVIDU</u> - Perkhidmatan Cemerlang kepada Wilayah Persekutuan	Minimum 35 tahun	Minimum 10 tahun
	<u>AHLI SUKAN</u> Penglibatan di peringkat kebangsaan	Tiada Had	Tiada Had

Kategori E - Angkatan Tentera Malaysia

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
S.U.M.W.	Panglima Angkatan Tentera	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun
S.M.W.	- Panglima Tentera Darat - Panglima Tentera Laut - Panglima Tentera Udara		
P.M.W.	- Gred Utama VUZ5 / VUZ6 atau setaraf - Leftenan Jeneral / Laksamana Madya / Lt Jen TUDM		
J.M.W.	- Gred Utama VUZ7 atau setaraf - Gred Z14 atau setaraf - Mejar Jeneral / Laksamana Muda / Mej Jen TUDM - Brigedier Jeneral / Laksamana Pertama / Brig Jen TUDM		
K.M.W.	- Gred Z12-Z13 atau setaraf - Kolonel / Kepten / Kol TUDM - Leftenan Kolonel / Komander TLDM / Lt Kol TUDM	Minimum 40 tahun	
A.M.W.	- Gred Z8-Z11 atau setaraf - Mejar / Lt Komander TLDM / Mej TUDM - Kapten / Lt TLDM / Kapt TUDM - Leftenan / Lt Madya TLDM / Lt TUDM - Leftenan Muda / Lt Muda TLDM / LT Muda TUDM		
P.P.W.	- Gred Z7 dan ke bawah - Pegawai Waran I - Pegawai Waran II - Staf Sarjan / Bintara Kanan / Flait Sarjan		

***Panduan Pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat
Wilayah Persekutuan (DKBPWP)***

	• Sarjan / Bintara Muda / Sarjan Udara • Koperal / Laskar Kanan / Koperal Udara • Lans Koperal / Laskar Kelas 1 / Laskar Udara Kanan • Prebet		
--	---	--	--

Kategori F - Polis Diraja Malaysia

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
S.U.M.W.	Ketua Polis Negara (IGP)	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun
S.M.W.	Timbalan Ketua Polis Negara (DIG)		
P.M.W.	- Gred Utama VUYA5 / VUYA6 atau setaraf - Pesuruhjaya Polis (CP)		
J.M.W.	- Gred Utama VUYA7 atau setaraf - Gred Y12 atau setaraf - Timbalan Pesuruhjaya Polis (DCP) - Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC)		
K.M.W.	- Gred Y10-11 atau setaraf - Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) - Penguasa Polis (SUPT)	Minimum 40 tahun	
A.M.W.	- Gred Y7-Y9 atau setaraf - Timbalan Penguasa Polis (DSP) - Penolong Penguasa Polis (ASP) - Inspektor (INSP) - Inspektor Percubaan Polis (INSP/P)		
P.P.W.	- Gred Y6 dan ke bawah - Sub-Inspektor (SI) - Sarjan Mejar (SM) - Sarjan (SJN) - Koperal (KPL) - Lans Koperal (L/KPL) - Konstabel (KONS)		

Kategori G - Politik

PANGKAT	GRED JAWATAN	UMUR	TEMPOH BERKHIDMAT KEPADA/UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN
S.U.M.W.	- Yang di-Pertua Negeri dan setaraf - Menteri dan setaraf	Minimum 45 tahun	Minimum 10 tahun
S.M.W.	Menteri / Timbalan Menteri dan setaraf		
P.M.W.	Timbalan Menteri Kabinet dan yang setaraf		
J.M.W.	Ahli Parlimen / ADUN / Setiausaha Politik dan setaraf dengannya	Minimum 40 tahun	
K.M.W.	Ketua / AJK Bahagian		
A.M.W.	Ketua / AJK Bahagian	Minimum 35 tahun	
P.P.W.	Ahli Biasa		

3. Urus Setia Jawatankuasa Tapisan DKBPWP boleh memproses sebarang pencalonan selain syarat kelayakan di Perenggan 2.
4. Selain itu, syarat-syarat khusus berikut juga perlu dipatuhi:
 - (i) Melepasi tapisan keselamatan oleh PDRM.
 - (ii) Melepasi tapisan keutuhan oleh SPRM.
 - (iii) Tiada kes bankrap/ muflis oleh Jabatan Insolvensi.
 - (iv) Tidak dikenakan hukuman tatatertib pada tahun pencalonan.

Nota: Perkara (i), (ii) dan (iii) akan dilaksanakan oleh Urus Setia Jawatankuasa Tapisan DKBPWP.
5. Urus Setia Jawatankuasa Tapisan DKBPWP berhak menolak pencalonan yang lewat, tidak lengkap dan tidak benar.

6. Individu yang telah menerima DKBPWP hanya boleh dicalonkan semula selepas tiga (3) tahun kurniaan terdahulu. Bagi pencalonan tahun 2027, tempoh cukup haul 3 tahun penerimaan kurniaan terdahulu adalah bagi penerima tahun 2023 dan ke bawah.
7. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan calon-calon yang benar-benar layak untuk dipertimbangkan.
8. Prosiding DKBPWP hendaklah bersifat "pencalonan" dan pencalonan hanya boleh dibuat menerusi *Focal Point* setiap Kementerian.
9. Keutamaan hendaklah diberi kepada calon-calon yang belum menerima sebarang DKBPWP dan telah banyak berbakti kepada Wilayah Persekutuan.
10. Pencadang hendaklah memastikan bahawa individu yang dicalonkan belum dikurniakan dengan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang dicadangkan atau kurniaan yang lebih rendah daripada yang telah diterima.
11. Jawatankuasa Tapisan DKBPWP berhak memperakukan DKBPWP yang lebih rendah atau menggugurkan pencalonan jika didapati DKBPWP yang dicadangkan adalah tidak setaraf dengan jawatan/sumbangan calon-calon.

PANDUAN PENCALONAN DKBPWP

1. Pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **secara atas talian** di alamat **<https://pingat.jwp.gov.my>**.
2. Borang pencalonan hendaklah **diisi dengan lengkap dan tepat** oleh pencadang dan **dirahsiakan daripada calon**.
3. Setiap borang pencalonan hendaklah **dikemukakan bersama-sama surat iringan daripada Kementerian/Jabatan** dan dihantar kepada pihak Urus Setia Jawatankuasa Tapisan DKBPWP **sebelum tarikh tutup pencalonan**.
4. Pencalonan yang dihantar **selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan dipertimbangkan** dan akan diminta mengemukakan pencalonan untuk tahun berikutnya.
5. **Pencalonan Kategori Perkhidmatan Awam**
 - (i) Pencalonan pegawai dan kakitangan di bawah Kategori Perkhidmatan Awam hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** masing-masing.
 - (ii) Kementerian hendaklah memastikan calon-calon yang dikemukakan **bersih daripada sebarang rekod tindakan disiplin dan tatatertib** dan benar-benar layak untuk dipertimbangkan.
 - (iii) Pencalonan pengurniaan **Darjah Kebesaran S.U.M.W., S.M.W. dan P.M.W.** hendaklah mendapat sokongan YB Menteri (Persekutuan) yang berkenaan.

6. Pencalonan Kategori Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan

- (i) Pencalonan pegawai dan kakitangan di bawah Kategori Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** yang mana masing-masing bernaung.
- (ii) Syarat-syarat lain adalah sama seperti Kategori Perkhidmatan Awam.

7. Pencalonan Kategori Swasta/Persatuan/Sukarela/Sukan/Individu

- (i) Pencalonan individu di bawah kategori swasta/persatuan/sukarela/sukan/individu hendaklah **dikemukakan melalui Kementerian** yang mana individu tersebut **terlibat secara langsung** dalam memberi khidmat bakti, sumbangan dan jasa.
- (ii) Individu yang merupakan pegawai atau kakitangan Awam/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan dan dicalonkan di bawah kategori ini hendaklah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan masing-masing terlebih dahulu.

8. Pencalonan Kategori Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia

- (i) Pencalonan bagi kategori ini hendaklah dilengkapi dan dikemukakan melalui Urusetia Jawatankuasa Khas Pemilihan DKBPWP yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera.
- (ii) Setiap pencalonan hendaklah disertakan sekali dengan **No. Kad Pengenalan Awam**.

9. Pencalonan Kategori Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia

- (i) Pencalonan bagi kategori ini hendaklah dilengkapi dan dikemukakan melalui Urusetia Jawatankuasa Khas Pemilihan DKBPWP yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara.
- (ii) Setiap pencalonan hendaklah disertakan sekali dengan **No. Kad Pengenalan Awam**.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

URUS SETIA JAWATANKUASA TAPISAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN (DKBPWP)

Nombor Telefon : 03-8889 7967
03-8889 7945
03-8889 7871
03-8889 7870
03-8889 7815

Nombor Faks : 03-8889 7961

Laman Web Rasmi : www.jwp.gov.my

E-mel : dkbpwp@jwp.gov.my

Pautan Sistem : <https://pingat.jwp.gov.my>
Anugerah DKBPWP

Alamat : Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya

Tarikh Cetakan : **15 Julai 2026**